IMAM ABU AL-HASAN AL-ASY‘ARI

Latarbelakang dan Manhajnya

Oleh :
Ustaz Haji Khairuddin bin Haji Mohd Saman

Imam Abu al-Hasan al-Asy‘ari

Abu al-Hasan ‘Ali bin Isma‘il al-Asy‘ari

(أبو الحسن علي بن إسماعيل الأشعري)

Zuriat Abi Musa Al-Asyariy sahabat Rasulullah

Dilahirkan di Basrah sekitar 260H

Meninggal dunia di Baghdad pada tahun 324H

Tokoh utama Ahli Sunnah Wal Jamaah

Pendidikan dan Perubahan pemikiran

- Al-Asy‘ari mempelajari ilmu kalam daripada Abu ‘Ali al-Jubba’i, tokoh Mu‘tazilah di Basrah.

- Beliau seorang yang mempertahankan mu’tazilah sehingga usia 40 tahun . Ketika itu terjadilah pemikirannya lebih matang . Tercetuslah dari dalam dirinya hendak menentang takwilan Mu’tazilah dan kesungguhan mereka di dalam berqias . Beliau berkurung di rumah selama 15 hari dan setelah itu keluar ke Masjid Jamek di Basrah dan berkata

"من عرفني فقد عرفني ومن لم يعرفني فأنا أعرفه بنفسي، أنا فلان بن فلان كنت أقول بخلق القرآن وأن الله لا تراه الأبصار وأن أفعال الشر أنا أفعلها، وأنا تائب مقلع معتقد للرد على المعتزلة مخرج لفضائحهم ومعايبهم"

- "Sesiapa yang telah mengenali aku, maka dia telah kenaliku. Dan sesiapa yang belum mengenali aku, maka aku memperkenalkan diriku . Aku ialah "*Si Fulan bin Si Fulan*" . Dahulu aku pernah mengatakan (beriktikad) bahawa Al-Quran itu makhluk, bahawa Allah tidak dapat dilihat oleh pandangan mata, dan bahawa perbuatan-perbuatan jahat akulah yang menciptanya (melakukannya secara mutlak). Sekarang, aku bertaubat, melepaskan diri (daripada pegangan tersebut), dan beriktikad untuk menyang`gah kaum Mu'tazilah serta membongkar keaiban dan keburukan mereka."

Kisah tiga orang saudara

- **Prinsip *al-salah wa al-aslah* ((الصَّلاح والأصلح**
- Riwayat yang masyhur menceritakan al-Asy‘ari mengemukakan satu persoalan kepada al-Jubba’i tentang tiga saudara.
- Saudara pertama beriman dan taat; saudara kedua kufur dan derhaka; saudara ketiga meninggal ketika masih kecil.
- Al-Jubba’i menjawab bahawa yang taat mendapat kedudukan baik, yang derhaka menerima hukuman, manakala kanak-kanak itu terselamat daripada hukuman.
- Al-Asy‘ari kemudian bertanya: jika kanak-kanak itu mahu mencapai darjat saudaranya yang taat, apakah jawapannya? Perbincangan diteruskan kepada persoalan mengapa kanak-kanak itu tidak diberi umur untuk beramal.

Guru-guru Beliau

- **Al-Sheikh Zakaria bin Yahya Al-Saji**

Sebelum bapanya Ismail bin Ishaq meninggal dunia beliau mewasiatkan anaknya kepada Al-Sheikh Zakaria bin Yahya Al-Saji . Seorang ulamak besar dalam bidang fekah Syafi'i , Tafsir dan Hadis

- **Abu Ishaq Al-Marwazi**
- **Al-Sheikh Ahmad bin Suraij**

Dari latarbelakang pengajian beliau , Imam Abu Hassan Asy'ari bukan sahaja alim dalam bidang Usuluddin tetapi juga merupakan seorang ahli Hadis dan fakih dalam Mazhab Syafi'I

Manhaj al-Asy‘ari

- Al-Quran dan Al-Sunnah
- Ianya sebagai neraca pertimbangan .
- Kerana berkeyakinan bahawa jalan yang benar dalam akidah ialah mengikut jalan para fuqaha’ dan ahli Hadis
- Akal
- Menggabungkan antara Aqli dan Naqli ini memberi keseimbangan dalam mengambil jalan wastiyah diantar *Ahli Hadis* dan *Hanabalah*

AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

- ***Ahli sunnah*** : ialah merujuk kepada mereka yang mengikut pertunjuk *al-Quran* dan *Assunnah* . Ini dijelaskan di dalam
- **Al-Quran** : firman Allah

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيراً

Ertinya : *sesungguhnya adalah bagi mereka itu pada rasulullah itu satu ikutan yang baik , bagi mereka yang mengharapkan Allah dan hari akhirat , dan mereka menyebut Allah dengan banyak .*

- **Hadis Nabi** صلى الله عليه وسلم

Dari Jabir R.A bahawa Baginda bersabda :

وَقَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ مَا لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُ إِنِ اعْتَصَمْتُمْ بِهِ , كتاب الله وسنتي

- Ertinya : *sesungguhya aku tinggalkan pada kamu sesuatu yang menyesatkan kamu selepas kamu berpegang dengannya , iaitu kitab Allah (al-quran) dan sunnahku*
- رواه مسلم / 1218 -

- ***Al-Jama'ah***: merujuk kepada mereka yang berada di dalam kumpulan (Jemaah) yang terselamat.

Firman Allah

- *(rujuk ayat di dalam ayat 21 surah al-ahzab di atas) .*

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيراً

- Ayat di atas menyebut (كُمْ)gantinama jamak (ramai) yang memberi isyarat kepada satu kumpulan yakni jemaah .

- **Hadis Nabi** صلى الله عليه وسلم

" لا تَجْتَمِعُ أُمَّتِي عَلَى ضَلالَةِ "

- Ertinya : *tidak berhimpun ummatku di atas kesesatan* .

- أحمد في مسنده ، والطبراني في الكبير ، وابن أبي خيثمة في تاريخه رواه_

- Imam Al-Asya'ari membuat perbandingan antara fahaman yang dianuti oleh muktazilah dan perbahasan fuqahak dan Ahli Hadis dengan menjadikan dalil naqli dari Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai neraca pertimbangan – Daripada sinilah beliau beroleh keyakinan bahawa jalan yang haq dalam Akidah ialah pada mengikuti jalan para fuqaha' dan Ahli Hadis .

Karya utama yang dikaitkan dengan beliau

- — مقالات الإسلاميين واختلاف المصلين Maqalat al-Islamiyyin
- — اللمع al-Luma’
- — الإبانة عن أصول الديانة al-Ibanah

Pengaruh dan kedudukan dalam tradisi Sunni

- Selepas kewafatan al-Asy‘ari, tokoh seperti al-Baqillani, Ibn Furak, al-Isfarayini, al-Juwayni dan al-Ghazali mengembangkan tradisi Asy‘ariyyah.
- Asy‘ariyyah menjadi salah satu aliran utama teologi Sunni dan berpengaruh luas dalam institusi pengajian Islam.
- Mazhab ini bukan satu blok yang tidak berubah: terdapat perkembangan dan perbezaan penekanan antara generasi awal dan generasi kemudian.
- Untuk pengajian yang seimbang, bandingkan karya al-Asy‘ari sendiri dengan huraian ulama Asy‘ariyyah selepasnya.

Ulamak yang berkata tentangnya

Imam Abu Qasim Al-Qusyairy:

اتفق أصحاب الحديث على أن أبا الحسن علي بن إسماعيل الأشعري كان إمامًا من أئمة أصحاب **الحديث مذهبه مذهب أصحاب الحديث-تكلم في أصول الديانات على طريقة أهل السنة ورد على المخالفين من أهل الزيغ والبدعة**

"Ahli-ahli Hadis sepakat menyatakan bahawa Abu Hassan Al-Asya'ari adalah seorang imam daripada imam-imam ahli Hadis, mazhabnya adalah mazhab ahli Hadis. Beliau menghuraikan ilmu Usuluddin mengikut jalan Ahli Sunah dan menjawab terhadap golongan yang menyeleweng daripada kalangan ahli bid'ah."

- **Imam Tajuddin Assubki**

هؤلاء الحنفية والشافعية والمالكية وفضلاء الحنابلة في العقائد يد واحة كلهم على رأي أهل السنة والجماعة يدينون لله تعالى بطريق شيخ أهل السنة أبي حسن الأشعري

“ para ulamak Hanafi , Syafi’i , Maliki dan ulamak-ulamak utama Hanbali semua bersatu mengikut pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah . Mereka berpegang dengan agama Allah Ta’ala mengikut jalan Abu Hassan Asy’ari

- **Imam Muhammad Al-Husaini Al-Zabidi**

هذه المسائل التي تلقاها الإمامان أبو حسن الأشعري و أبو منصور الماتريدي هي أصول الأئمة رحمهم الله

“ masalah-masalah usuluddin yang diterima oleh dua Imam Abu Hasan Al-Asy’ari dan Abu Mansur Al-Maturidi adalah masalah-maslah usul yang disahkan oleh para Imam Mazhab “

IMAM Abdul Wahab Al-Sya'rani

وَاعْلَمْ يَا أَخِي أَنَّ الْمُرَادَ بِأَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ فِي عُرْفِ النَّاسِ الْيَوْمَ الشيخ أبو الحسن الأشعري ومن سبقه بالزمان كالشيخ أبي منصور الماتريدي

" ketahui wahai saudaraku bahawa yang dimaksudkan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut uruf ummah Islam hari ini ialah Sheikh Abu Al-Hasan Al-Asy'ari dan ulamak-ulamak yang mendahuluinya seperti Sheikh Abu Mansur Al-Maturidi "